

07 JUN 2001

DR MAHATHIR TIBA DI TOKYO UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan empat hari.

Beliau dijadual menyampaikan ucapan perdana mengenai "Globalisasi, Masyarakat Global dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu," pada Siri Syarahan Tokoh U Thant di Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di sini.

Dr Mahathir akan dianugerahkan doktor kehormat oleh Universiti Meiji sebelum menghadiri Jamuan Malam Persidangan Nikkei bersama Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi di Hotel Imperial.

Dr Mahathir akan melawat syarikat telekomunikasi Jepun, NTT Musashino R&D Centre, di sini esok.

Beliau juga akan menyampaikan ucap-tama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-7 mengenai "Masa Depan Asia- Melampaui Globalisasi" di Hotel Imperial sebelum mengunjungi Koizumi di pejabat Perdana Menteri itu.

Pada hari ketiga lawatan beliau, Dr Mahathir dijadual mengadakan dialog dengan kira-kira 2,000 pelajar Malaysia di Jepun di Kedutaan Malaysia sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur esoknya.

-- BERNAMA

JM ES RON